

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

21 February 2016



DR. MAHATHIR MOHAMAD dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali bersama tetamu yang hadir dalam majlis pelancaran kempen Marilah Membaca al-Quran di Kuala Lumpur, semalam. - MINGGUAN/MOHD. NAIM AZIZ

UM - 21/2/2016

Jadikan al-Quran sumber rujukan utama

KUALA LUMPUR 20 Feb. - Umat Islam perlu menjadikan al-Quran sebagai rujukan utama berbanding sumber lain untuk mendapatkan panduan dan ajaran Islam yang sebenar.

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kebanyakan umat Islam tidak memahami isi kandungan al-Quran kerana ia datang daripada bahasa Arab sehingga menyebabkan mereka bergantung kepada sumber rujukan lain seperti hadis.

Lebih memburukkan pula, kata beliau, perkara itu telah menjadi kebiasaan dalam masyarakat dan mereka yang meletakkan al-Quran sebagai keutamaan dituduh pula menolak Islam dan dilabelkan sebagai antihadis.

"Ramai daripada kita tidak faham sebab kita baca al-Quran dalam bahasa Arab sehingga memberi keutamaan kepada punca-punca Islam lain.

"Kalau kita tidak ikut punca-punca ini, kita akan dituduh menolak Islam dan berkata kumpulan antihadis, sebenarnya kita bukan antihadis. Tetapi salahkan kita kalau kita mendapat ajaran



Kalau kita tidak ikut punca-punca ini, kita akan dituduh menolak Islam dan berkata kumpulan antihadis, sebenarnya kita bukan antihadis. Tetapi salahkan kita kalau kita mendapat ajaran dan panduan daripada al-Quran."

DR. MAHATHIR MOHAMAD
Bekas Perdana Menteri

dan panduan daripada al-Quran.

"Kita bergantung kepada orang yang mengajar kita yang kadangkala mempunyai kepentingan lain. Sebab itu kita harus kembali kepada al-Quran supaya kita dipandu ajaran yang datang daripada Allah," katanya selepas melan-

carkan kempen *Marilah Membaca al-Quran* (LRTQ 2016) di sini hari ini.

Kempen tersebut bermula pada 1 Mac hingga 31 Mac ini bertujuan menggalakkan orang ramai membaca al-Quran dalam bahasa yang difahami dan terbuka kepada bukan Islam.

Dalam pada itu, beliau berkata, kebanyakan umat Islam hanya membaca dan menghafal al-Quran tanpa memahami isi kandungan, sedangkan kitab suci itu lengkap dengan panduan dan ajaran Islam sebenar.

Justeru, jelas beliau, al-Quran seharusnya diajar dalam bahasa yang difahami supaya mereka dapat mengamalkan ajaran Islam yang dituntut al-Quran.

"Pengajaran agama Islam juga diajar dari apa yang mereka faham dan buku yang dia baca, kadangkala mereka dipandu tafsiran daripada ulama, imam dan sebagainya.

"Jadi kalau kita kembali kepada al-Quran dan mengajar apa yang terkandung dalam al-Quran menggunakan bahasa yang kamu faham, barulah kamu mendapat petunjuk dan panduan," katanya.